

## **7. PENGGUNAAN DANA KERAJAAN**

### **Akademi Sains Malaysia Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi**

#### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Akademi Sains Malaysia (ASM) telah ditubuhkan di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) yang mana dikuatkuasakan pada 1 Februari 1995. Fungsi ASM adalah menasihati Kerajaan berkenaan hal sains, teknologi dan inovasi (STI) yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa serta memupuk budaya kecemerlangan sains, kejuruteraan dan teknologi. ASM juga membantu meningkatkan keupayaan teknologi sektor industri, menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian. Selain itu, ASM bertanggungjawab menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa serta penerbitan saintifik.

1.2. Pada tahun 2019, ASM menerima enam (6) dana Kerajaan berjumlah RM7.50 juta untuk menjalankan aktivitinya dan sejumlah RM3.46 juta telah dibelanjakan. Selain itu, baki sejumlah RM40.60 juta telah dipulangkan kepada kementerian bagi kajian/projek yang telah selesai. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.1**.

**JADUAL 7.1  
MAKLUMAT DANA SETAKAT 31 DISEMBER 2019**

BAKI PADA 1 JANUARI 2019 (RM Juta)	TERIMAAN TAHUN 2019 (RM Juta)	PERBELANJAAN TAHUN 2019 (RM Juta)	PEMULANGAN KEPADA KEMENTERIAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER 2019 (RM Juta)
47.18	7.50	(3.46)	(40.60)	10.62

Sumber: Penyata Kewangan ASM bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

#### **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada proses penggunaan dana Kerajaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

#### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Ibu Pejabat ASM terhadap proses penggunaan dana Kerajaan meliputi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019 melibatkan Bahagian Akaun Dan Kewangan serta Bahagian Kajian Strategik STI.

3.2. Butiran terperinci sampel penggunaan dana Kerajaan melibatkan empat (4) dana yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.2**.

**JADUAL 7.2**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DANA KAJIAN/PROJEK**  
**SETAKAT 31 DISEMBER 2019 BAGI SAMPEL DANA**

BIL.	TAJUK KAJIAN/PROJEK	TARIKH KAJIAN/PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN TAHUN 2019 (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN IN HOUSE CHARGE TAHUN 2019 (RM)	BAKI DANA PADA 31.12.2019 (RM)
<b>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</b>						
1.	Kajian Separuh Penggal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (MEB)	15 November 2018 hingga 15 Jun 2019	602,259	163,867	415,042	23,350
2.	Kajian Impak Pelaksanaan Universiti Penyelidikan (RU)	15 November 2018 hingga 15 Mei 2019	555,463	285,301	250,398	19,764
<b>Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)</b>						
3.	Kajian Semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Nasional (NPSTI)	Julai 2017 hingga Disember 2018	888,350	161,122	343,850	-
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)</b>						
4.	Penyediaan Dasar Keusahawanan Nasional (NEP)	15 Mei 2019 hingga 30 Jun 2020	224,000	55,775	164,684	3,541
<b>JUMLAH</b>			<b>2,270,072</b>	<b>666,065</b>	<b>1,173,974</b>	<b>46,655</b>

Sumber: Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran

Nota : MEB – *Malaysia Education Blueprint*

RU – Research University

NPSTI – National Policy on Science, Technology and Innovation

NEP – *National Entrepreneurship Policy*

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak peraturan kewangan, minit mesyuarat dan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan dana yang digunakan. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai ASM dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh.

#### **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 8 Jun hingga Julai 2020 dan maklum balas daripada ASM telah diterima pada 18 September 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 6 Oktober 2020. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti dinyatakan di perenggan 4.1.

##### **4.1. Perbelanjaan Berjumlah RM1.14 Juta Tidak Teratur Bagi Empat (4) Kajian/Projek**

###### **4.1.1. Perbelanjaan Terlebih Bayar Berjumlah RM252,289 Bagi Elaun Ahli Pasukan**

- a. Berdasarkan perkara I, iaitu Kos Penyelidikan dalam Terma Rujukan (TOR) menyatakan bahawa penawaran kedua-dua dana, iaitu bagi Kajian MEB dan RU adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pemandu Dana, Penyelidikan KPM (Pengajian Tinggi) dan kelulusan Ketua Setiausaha. Ketua Penyelidik bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemat dan mematuhi peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Komponen utama perincian kos penyelidikan tertakluk kepada had yang ditetapkan seperti dalam **Jadual 7.3**.

**JADUAL 7.3  
KOS PENYELIDIKAN DALAM TERMA RUJUKAN**

BUTIRAN	PERIHAL
Bilangan ahli pasukan penyelidik	Tidak melebihi lima (5), termasuk Ketua Penyelidik/Projek
Tuntutan perjalanan	Pada kadar terendah/tambang kelas ekonomi
Kos penginapan	Dibuat secara pakej/perseorangan terhad kepada RM350 seorang/malam termasuk makan minum
Elaun kepada pembantu penyelidik (RA)	RM1,800 – Ijazah Sarjana Muda RM2,300 – Sarjana

Sumber: Terma Rujukan Perkara I

- b. Semakan Audit mendapati ASM telah melantik seramai enam (6) ahli pasukan bagi Kajian MEB yang terdiri daripada *Project Overseer, Principal Analyst, Analyst* dan tiga (3) orang Pembantu Penyelidik (RA). ASM telah melantik seramai enam (6) ahli pasukan bagi Kajian RU yang terdiri daripada *Project Overseer, Principal Analyst, Senior Analyst, Analyst* dan dua (2) orang RA. **Pelantikan enam (6) ahli pasukan bagi kedua-dua kajian ini telah melebihi syarat TOR, iaitu lima (5) ahli pasukan.**
- c. Semakan lanjut terhadap baucar jurnal mendapati pelantikan penyelidik, iaitu *Project Overseer, Principal Analyst, Senior Analyst* dan *Analyst* terdiri

daripada kakitangan ASM yang telah menerima gaji daripada ASM dan tidak dinyatakan kadar bayaran elaun dalam TOR. Bagaimanapun, berdasarkan baucar jurnal ketiga-tiga jawatan penyelidik ini adalah di bawah Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred C52 dan C48. Berdasarkan butiran dan klasifikasi perkhidmatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kelayakan akademik jawatan ini adalah Ijazah Sarjana Muda Kepujian. **Elaun yang layak diberikan adalah sejumlah RM2,300 sebulan berbanding jumlah yang telah dibayar masing-masing sejumlah RM1,250 hingga RM8,300 sebulan.**

- d. Semakan lanjut terhadap baucar bayaran RA mendapati **elaun yang layak diberikan adalah sejumlah RM1,800 sebulan berbanding jumlah yang telah dibayar sejumlah RM2,338 hingga RM4,087 sebulan.**
- e. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.4** dan **Jadual 7.5**.

**JADUAL 7.4**  
**ELAUN AHLI PASUKAN BAGI KAJIAN SEPARUH PENGGAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (MEB)**

BIL.	AHLI PASUKAN	TEMPOH DIBAYAR	ELAUN (RM)				
			KADAR PURATA DIBAYAR	JUMLAH DIBAYAR	KADAR TOR	TOR	LEBIHAN BAYARAN
(a)	(b)*	(c)	(d)	(e) = (a) x (d)	(f)=(c)-(e)		
1.	<i>Project Overseer</i>	Januari hingga September 2019 (9 Bulan)	2,500	22,500		20,700	1,800
2.	<i>Principal Analyst</i>	Januari hingga Oktober 2019 (10 Bulan)	8,300	83,000	2,300	23,000	60,000
3.	<i>Senior Analyst</i>	Disember 2018 hingga Oktober 2019 (11 Bulan)	6,755	74,305		25,300	49,005
4.	RA 1	Disember 2018 hingga Jun 2019 (7 Bulan)	3,691	25,839		12,600	13,239
5.	RA 2	Disember 2018 hingga September 2019 (10 Bulan)	2,691	26,908	1,800	18,000	8,908
6.	RA 3	Disember 2018 hingga November 2019 (12 Bulan)	2,338	28,062		21,600	6,462
<b>JUMLAH</b>				<b>260,614</b>		<b>121,200</b>	<b>139,414</b>

Sumber: Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran  
Nota : \*(b) = (c)/(a)

**JADUAL 7.5**  
**ELAUN AHLI PASUKAN BAGI**  
**KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)**

BIL.	AHLI PASUKAN	TEMPOH DIBAYAR	ELAUN (RM)				
			KADAR PURATA DIBAYAR	JUMLAH DIBAYAR	KADAR TOR	TOR	LEBIHAN BAYARAN
(a)	(b)*	(c)	(d)	(e) = (a) x (d)	(f)=(c)-(e)		
1.	<i>Project Overseer</i>	Januari hingga Julai 2019 (7 Bulan)	1,250	8,750	2,300	16,100	- **
2.	<i>Principal Analyst</i>	Januari hingga Ogos 2019 (8 Bulan)	2,490	19,920		18,400	1,520
3.	<i>Senior Analyst</i>	Januari hingga November 2019 (11 Bulan)	6,755	74,305		23,000	51,305
4.	<i>Analyst</i>	Januari hingga Oktober 2019 (10 Bulan)	4,342	43,420		16,200	27,220
5.	RA 4	Disember 2018 hingga Ogos 2019 (9 Bulan)	2,653	23,874	1,800	16,200	7,674
6.	RA 5	Disember 2018 hingga Oktober 2019 (11 Bulan)	4,087	44,956		19,800	25,156
<b>JUMLAH</b>			<b>215,225</b>			<b>109,700</b>	<b>112,875</b>

Sumber: Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran

Nota : \*(b) = (c)/(a)

\*\* Kadar Purata Dibayar adalah kurang daripada Kadar TOR menyebabkan tiada Lebihan Bayaran

- f. Perkara ini berlaku kerana pegawai menyediakan baucar jurnal dan baucar bayaran untuk elaun ahli pasukan berdasarkan bajet yang dibuat mengikut kefahaman pegawai dan tidak merujuk kepada TOR yang ditetapkan oleh KPM.

**Maklum balas ASM yang diterima pada 18 September 2020**

Perbelanjaan yang terlebih belanja sejumlah RM252,289 bagi kedua-dua kajian tersebut adalah mengikut bajet yang diguna pakai oleh ASM dan telah dihantar kepada KPM pada 16 November 2018. Bayaran emolumen untuk empat (4) *Analyst* dan satu (1) RA adalah mengikut ketetapan tangga gaji berdasarkan kadar ASM bagi *Contract for Service* berpandukan Jadual Gaji Minimum Maksimum. Bagaimanapun, siling untuk bayaran gaji pasukan kajian adalah berpandukan siling yang telah dihantar oleh ASM kepada KPM pada 16 November 2018.

Kadar bagi RA adalah RM2,500 dan kadar bagi *Analyst* adalah mengikut pengalaman. Kadar yang diberikan adalah selari dengan bajet yang dihantar kepada KPM dengan justifikasi jangka masa kajian ini adalah pendek iaitu selama enam (6) bulan dan

pemberian kadar emolumen yang ditawarkan akan memastikan kakitangan yang dilantik tidak berhenti separuh jalan agar kajian ini tidak tergendala.

Memandangkan KPM tidak memaklumkan sebarang halangan mengenai perincian bajet yang dihantar oleh ASM, ASM menganggap KPM bersetuju bagi perbelanjaan berdasarkan bajet tersebut. Semua pelantikan pasukan serta *Subject Matter Expert* (SME) adalah berdasarkan perincian bajet yang telah diberikan.

ASM akur dengan keperluan untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada KPM sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam perincian bajet sebelum membuat sebarang keputusan dan pembayaran. ASM juga faham akan keperluan untuk memastikan semua perbelanjaan dana perlu mengikut ketetapan kadar yang telah ditetapkan oleh pemberi dana iaitu KPM.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Pembayaran elauan ahli pasukan yang melebihi ketetapan kadar menyebabkan kurangan dana untuk dipulangkan kepada KPM.</b>
-------------------------	---

#### **4.1.2. Tuntutan Yang Tidak Wajar Bagi Cukai Berjumlah RM98,542**

- a. Perintah Cukai Pendapatan (PCP) (Pengecualian) (22), 2006 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengecualikan cukai ke atas pendapatan yang dikenakan dan dipungut mengikut peruntukan akta yang mengawal selia pihak berkuasa berkanun dan apa-apa derma dan sumbangan yang diterima. Ia meliputi pengecualian bagi pemberian/subsidi (geran) dan pendapatan pihak berkuasa berkanun.
- b. Semakan Audit terhadap laporan kewangan Kajian MEB dan RU mendapati cukai telah dicaj kepada kos kajian/dana yang diterima masing-masing berjumlah RM52,873 dan RM45,669. **Cukai ini tidak sepatutnya dikenakan kerana ASM merupakan agensi dikecualikan cukai bagi dana yang diterima daripada Kerajaan.**
- c. Perkara ini berlaku kerana pegawai beranggapan cukai terhadap pendapatan dana ini akan dikenakan terhadap ASM dan telah memperuntukkan 10.0% cukai kepada dana KPM ini.

## **Maklum balas ASM yang diterima pada 18 September 2020**

Pada ketika itu (2018), ASM tiada pengetahuan bagi mengenal pasti dan mengklasifikasi semua jenis dana yang diterima oleh ASM. Oleh itu, ASM telah menganggarkan sejumlah peratusan (anggaran 10.0%) diperuntukkan sekiranya kajian tersebut dikenakan cukai tahunan oleh LHDNM. ASM mengambil maklum mengenai hal ini dan akan membuat pelarasan yang sewajarnya serta akan memulangkan baki tersebut sekiranya ASM tidak dikenakan cukai.

**Pernyataan Audit** | **Pembayaran yang tidak wajar menyebabkan kurangan dana untuk dipulangkan kepada KPM.**

### **4.1.3. Bayaran Atas Kemudahan/Perkhidmatan Oleh ASM Berjumlah RM787,232 Dibuat Tanpa Kadar Yang Diluluskan**

- a. Seksyen 22 (1), Akta 524 menetapkan Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan akta ini.
- b. ASM telah mengenakan bayaran untuk perkhidmatan *Subject Matter Expert* (SME) yang terdiri daripada *Fellow* bagi Kajian MEB berjumlah RM38,000. **Pihak ASM tidak menyediakan kadar dan syarat yang diluluskan untuk menetapkan bayaran perkhidmatan SME ini.** Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bayaran daripada baucar jurnal tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.6**.

**JADUAL 7.6  
BAYARAN KEPADA  
SUBJECT MATTER EXPERT**

BIL.	PENERIMA	AMAUN (RM)
1.	SME 1	13,000
2.	SME 2	7,000
3.	SME 3	2,000
4.	SME 4	2,000
5.	SME 5	6,000
6.	SME 6	8,000
<b>JUMLAH</b>		<b>38,000</b>

Sumber: Baucar Jurnal

- c. Semakan Audit terhadap laporan kewangan dan empat (4) baucar jurnal bertarikh 31 Disember 2019, terdapat lima (5) perbelanjaan terhadap Kajian

MEB, Kajian RU, Projek NPSTI dan Projek NEP berjumlah RM749,232. Perbelanjaan ini merupakan sewaan terhadap peralatan, kemudahan dan perkhidmatan yang digunakan untuk kajian/projek ini dan dibayar kepada ASM. Seterusnya, ASM mengiktirafkannya sebagai hasil. **Pihak ASM tidak menyediakan kadar kerana tiada peraturan atau prosedur operasi standard (SOP) yang diluluskan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.7**.

**JADUAL 7.7**  
**BAYARAN ATAS KEMUDAHAN/PERKHIDMATAN OLEH ASM**  
**DIBUAT TANPA KADAR YANG DILULUSKAN**

BIL.	KEMUDAHAN/PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM)			
		KAJIAN MEB	KAJIAN RU	PROJEK NPSTI	PROJEK NEP
1.	Komputer dan perisian - Sewa laptop @ RM800/sebulan	22,400	20,000	-	-
	Komputer dan perisian - Sewa laptop @ RM600/sebulan	-	-	78,000	-
	Komputer dan perisian - Sewa laptop @ RM500/sebulan	-	-	-	4,500
	- Sewa storan data @ RM150/sebulan	-	-	-	1,350
	- Bantuan teknikal <i>Information, Communication and Technology</i> @ RM150/sebulan	-	-	-	1,350
	- Sewa internet @ RM100/sebulan	-	-	-	300
	- Telefon @ RM100/sebulan	-	-	-	300
2.	Air dan elektrik @ RM100/sebulan	-	-	-	537
	Sewa parkir @ RM70/seorang/sebulan	-	-	-	630
2.	Internet dan utiliti - Caj penggunaan @ RM500/sebulan	5,500	5,500	-	-
3.	Kemudahan ruang pejabat dan lain-lain - Sewa ruang pejabat @ RM2,036.70/sebulan	22,404	22,404	-	-
	- Bilik mesyuarat @ antara RM400 ke RM3,000/sehari atau RM300 ke RM3,000/separuh hari	23,600	-	-	-
	- Fuji Xerox @ RM650/sebulan	6,500	6,500	-	-
	- Ruang letak kereta @ RM70/sebulan	-	1,750	-	-
	- Penggunaan kenderaan pejabat	1,960	2,180	-	-
	Kemudahan ruang pejabat dan lain-lain - Sewa ruang pejabat @ antara RM600 ke RM3,000/sehari atau RM300 ke RM2,000/separuh hari	-	-	59,800	-
	Penulisan Laporan Kajian	20,000	-	-	-
4.	Cetakan - Caj penggunaan @ RM1 (hitam putih)/ RM2 (berwarna) x bilangan peserta	-	-	114,590	-
	- Penerbitan laporan – mendraf Bahasa Malaysia	-	-	-	10,000
	- Penyuntingan Laporan	-	-	-	10,000
	- Penterjemahan Laporan Bahasa Inggeris	-	-	-	8,000
	- Reka bentuk Laporan	-	-	-	20,000
	- Reka bentuk infografik @ RM500/info	-	-	-	6,500

BIL.	KEMUDAHAN/PERKHIDMATAN	JUMLAH (RM)			
		KAJIAN MEB	KAJIAN RU	PROJEK NPSTI	PROJEK NEP
5.	Honorarium - <i>Project Overseer</i> @ RM10,000/sebulan - <i>Principal Analyst</i> @ RM8,300/sebulan - <i>Senior Analyst</i> @ RM6,755/sebulan - Dua (2) <i>Analyst</i> @ RM8,684/sebulan	- - - -	- - - -	39,520 - - -	- 30,000 24,900 20,265 26,052
6.	Akses kepada ASM Hub @ 10,000/sebulan  Akses kepada <i>Database Subscription</i>	80,000  -	- -	- 51,940	- -
<b>JUMLAH</b>		<b>182,364</b>	<b>58,334</b>	<b>343,850</b>	<b>164,684</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>749,232</b>

Sumber: Baucar Jurnal

- d. Perkara ini berlaku kerana pegawai membuat pelarasan bayaran ke hasil ASM berdasarkan bajet yang dibuat bagi kajian/projek tersebut.

### Maklum balas ASM yang diterima pada 18 September 2020

Pada pandangan ASM, jumlah RM787,232 ini adalah bayaran kos operasi yang telah dibelanjakan oleh ASM kepada perbelanjaan kesemua dana kajian/projek. Perbelanjaan pentadbiran ini telah pun dibajetkan di dalam cadangan bagi setiap dana, namun perbelanjaan tersebut telah dibayar menggunakan peruntukan dalaman ASM kerana geran mengurus yang diterima hanya mampu menampung kos emolumen (66 orang kakitangan), eluan *senior fellow* dan kos pentadbiran yang minima dan bajet yang di peroleh adalah tidak termasuk kos kakitangan tambahan bagi pelaksanaan kajian/projek. Oleh itu, Majlis ASM pada Mesyuarat Bilangan 134 yang diadakan pada 12 Mac 2019 memutuskan agar kos pengurusan, perkhidmatan dan fasiliti bagi setiap kajian/projek perlu dikenakan caj yang berasaskan kos yang ditetapkan oleh ASM.

Oleh itu, dalam jangka masa kajian/projek tersebut, ASM mengenakan caj bagi kos pentadbiran daripada dana kajian/projek melalui memo arahan dalaman. Bagi menentukan jumlah honorarium kepada SME, kiraan adalah mengikut gaji pokok setiap SME dan faktor pengganda berdasarkan Pekeliling Kerajaan 3.2 (1) – Manual Perolehan Perkhidmatan Perundingan. Lanjutan daripada perkara ini, pada Februari 2020, pihak ASM telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan kelulusan garis panduan bayaran daripada Jawatankuasa Kewangan dan Majlis ASM.

Bagaimanapun, ASM mengambil maklum akan keperluan untuk mempunyai polisi yang lengkap agar memudahkan rujukan semua kakitangan ASM. Pada ketika ini, polisi yang ada di ASM tidak disusun secara teratur untuk memudahkan rujukan dan dalam proses pengemaskinian.

Untuk setiap kajian/projek yang dijalankan oleh ASM di masa hadapan, ASM akan memastikan kelulusan bertulis dan rasmi diperoleh daripada pihak kementerian sekiranya perbelanjaan tersebut tidak tersenarai dalam perincian bajet yang diluluskan.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Bayaran atas kemudahan/perkhidmatan oleh ASM tanpa ketetapan kadar yang diluluskan menyebabkan dana kajian/projek tidak dibelanjakan seperti yang ditetapkan oleh pemberi dana.</b>
-------------------------	--

## 5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 5.1. Menyediakan SOP yang diluluskan mengenai pengurusan dana dari aspek proses kerja, kenaan kadar dan jenis perbelanjaan yang boleh diiktiraf sebagai hasil ASM selaras dengan akta dan ketetapan serta kelulusan Menteri dan Majlis.
- 5.2. Menyedia dan mendapatkan kelulusan Majlis bagi belanjawan yang terperinci terhadap dana yang diterima dan dikemukakan untuk persetujuan kementerian yang berkaitan.
- 5.3. Memastikan pematuhan terhadap TOR yang ditetapkan dan sebarang perubahan mendapat kelulusan kementerian berkaitan.